

UUM/4488/BH/30.6.2005/P: 6 (6)

Nordin Kardi Naib Canselor UUM

BH 30/6/05 6:6

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarah Biro Tata Negara (BTN), Datuk Dr Nordin Kardi dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), berkuat kuasa 16 Jun lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata keputusan memilih Nordin itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Katanya, pelantikan Nordin selama tiga tahun itu akan berakhir pada 15 Jun 2008.

"Laporan jawatankuasa khas yang dibentuk memilih calon yang layak diteliti sebelum keputusan itu dibuat," katanya di sini, semalam.

Nordin dipilih menggantikan teman rapatnya, Allahyarham Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri yang

meninggal dunia kerana komplikasi jantung di Hospital Selayang, Selangor 23 Mei lalu.

Dr Ahmad Fawzi juga Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN).

Nordin, 53 tahun sudah tujuh tahun memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah BTN. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM) selama lebih 20 tahun, selain menjalani tugas sebagai kaunselor pelajar, pengetua kolej kediaman, timbalan dekan dan ahli senat universiti.

Anak kelahiran Teluk Intan, Perak itu dipinjamkan ke Lembaga Akreditasi Negara (LAN) antara kakitangan awal membangunkan LAN pada 1996. Beliau antara pengasas program akreditasi Sains Sosial.